

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR - BN ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 35)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- a) apakah program yang telah dilaksanakan di bawah Parlimen Belia setakat hari ini; dan
  
- b) apakah hala tuju dan juga penambahbaikan yang dirancang seterusnya di bawah usaha Parlimen Belia ini di masa akan datang.

**SULIT**

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) perlu melaksanakan program di peringkat akar umbi sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Bagi tahun 2016 sehingga 10 Mei 2016, sebanyak 33 program peringkat akar umbi telah dilaksanakan oleh APBM dari pelbagai negeri.
- b) Program Parlimen Belia Malaysia (PBM) kini menyediakan lebih ruang untuk belia berinteraksi secara maya bagi menyuarakan cadangan usul untuk di bawa ke persidangan oleh APBM. APBM lantikan 2015-2016 juga akan terus digerakkan melalui penubuhan Alumni APBM bagi menyokong pelaksanaan PBM dengan lebih menyeluruh bersama Jabatan Belia dan Sukan di peringkat Kebangsaan dan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**SULIT**